



**MAJLIS DAERAH MARUDI
KENYATAAN TENDER**

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang mempunyai pendaftaran yang ditetapkan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi kerja seperti dibawah adalah dipelawa untuk menyertai tender berikut:-

Bil	No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Lesen (Nyatakan Kelas, Kepala/ Sub Kepala	Bayaran dan Cagaran Dokumen	Jenis Tawaran	Tarikh Tutup Dan Penyerahan Dokumen Tender
1.	08/PW/MDM/3/22 (MARRIS)	Menurap Semula Jalan di Lorong Muhibbah 3, Marudi	Kelas: F Kepala: III Sub Kepala: 2a@2b DAN Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Bayaran Dokumen: RM50.00 (tidak dikembalikan)	Bumiputera	Selasa 31 Oktober 2024 12.00 Tengah hari
2.	33/PW/MDM/3/22 (IKR)	Cadangan Menaiktaraf Jalan ke Gereja BEM Mulu (Tender Semula)	Kelas: F Kepala: I @ III Sub Kepala: 1 @ 3b DAN Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)			

2. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen (**pada dan selepas 18 Oktober 2024**) dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah mengikut syarat – syarat yang ditetapkan.

3. Kontraktor / wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis hendaklah membawa sijil pendaftaran ASAL serta salinannya yang telah diakui sah yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) semasa membeli dokumen.

4. Dokumen tender yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen – dokumen seperti berikut:-

- a. Sijil Pendaftaran Perniagaan
- b. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ, dan
- c. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Tender Majlis berhak menolak tawaran tender.

5. Dokumen Tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **Tarikh Tutup, Nombor Tender serta Tajuk Tender** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tawaran tender beralamat seperti berikut:

Setiausaha,
Majlis Daerah Marudi,
P.O.Box 374,
98050, Marudi, Baram

6. Tarikh tutup bagi semua tender tersebut diatas adalah pada **31 Oktober 2024** jam **12.00 tengah hari** dan sebarang dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.

7. Tempoh sah laku tender hendaklah 90 hari dari tarikh tutup.

8. Majlis Daerah Marudi tidak terikat untuk menerima tawaran **tender terendah** atau **mana-mana tawaran tender**.


Setiausaha,
Majlis Daerah Marudi

Tarikh: 18 Oktober 2024